

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 OKTOBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6

Malaysia perlukan 45 peratus pekerja mahir jika mahu bersaing

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan komited menyediakan infrastruktur terbaik untuk memacu inovasi tempatan dalam usaha melahirkan 45 peratus pekerja berkemahiran tinggi.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, jumlah itu diperlukan untuk Malaysia kekal bersaing dengan negara termaju dunia.

Menurutnya, data Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan Malaysia kini hanya memiliki 29.6 peratus pekerja mahir.


Katanya, negara memerlukan sebuah taman teknologi yang menjadi titik pertemuan pemegang taruh antaranya inovator, penyelidik dan pelabur bagi mengukuhkan ekosistem sains, teknologi dan inovasi (STI) selain mampu menarik pelaburan langsung asing dan domestik bagi memacu ekonomi negara demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Ismail Sabri berkata, kerajaan meluluskan 99 projek dan program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi bernilai RM5.6 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

"Sumber manusia berkemahiran tinggi penting untuk ekosistem teknologi dan inovasi kembali dirancakkan."

"Pekerja berkemahiran tinggi bukan saja dikenal pasti menerusi bekalan bakat berterusan, tetapi berusaha mengurangkan brain drain dalam kalangan bakat hebat tempatan."

"Bagi merealisasikan has-



PEKERJA BERKEMAHIRAN TINGGI

INFRASTRUKTUR TERBAIK PACU INOVASI TEMPATAN

rat ini, kerajaan komited menyediakan infrastruktur terbaik untuk memacu inovasi tempatan," katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Pelan Induk Taman Mranti dan Penjenamaan Semula Mimos Berhad.

Mengulas lanjut mengenai Taman Mranti yang sebelum ini dikenali sebagai Taman Teknologi Malaysia, Perdana Menteri berkata, lokasi itu akan menjadi hab inovasi terunggul di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada tiga teras pem-

bangunan iaitu Inovasi, Kemampunan Alam Sekitar dan Budaya Urban.

Katanya, Pelan Induk baharu Taman Mranti akan memupuk keupayaan Malaysia dalam Revolusi Industri 4.0 dan juga teknologi terkini daripada sistem Internet Pelbagai Benda (IoT), perkhidmatan Protokol Internet (IP) se-

lain makmal kepada kemudahan pembuatan kontrak dengan teknologi canggih.

"Taman Mranti dilengkapkan dengan infrastruktur moden, termasuk jalur lebar berkelajuan tinggi dan teknologi 5G serta insentif dan peluang pembiayaan yang direka untuk menarik golongan profesional muda serta me-

wujudkan laluan yang stabil bagi bakat berkemahiran tinggi."

"Ia dijangka dapat mencipta lebih 8,000 peluang pekerjaan baharu dan ini adalah berita baik untuk seluruh Keluarga Malaysia," katanya.

Tambahnya, penjenamaan semula Mimos Berhad kepada Mimos Global melambangkan imej baharu yang lebih meluas, berseuaian dengan daya saing bidang teknologi yang tidak mengenal sempadan.

“Kerajaan komited menyediakan infrastruktur terbaik untuk memacu inovasi tempatan”
Ismail Sabri